
Datuk Ismail Haji Ahmad
Mohamed Ismail Mohamed Shariff
Ismail Ibrahim
Ashari Ayub
Datin Azzah Bte. Mohd. Jaafar
Dato' Othman Abdullah
Fazlur Rahman Ebrahim
Dato' Ismail Shahudin (dilantik pada 17 Mac 2004)
Jamil Hajar Abdul Muttalib (meletak jawatan pada 13 Januari 2004)
Dato' Azmi Abdullah (meletak jawatan pada 13 Januari 2004)

IMBUHAN PENGARAH

Tidak terdapat sebarang ketetapan dibuat di akhir tahun kewangan ataupun sepanjang tahun kewangan di mana pihak Bank mengambil bahagian yang membolehkan Pengarah-Pengarah mendapat imbuhan melalui perolehan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat.

Sejak berakhirnya tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang imbuhan (selain dari manafaat yang termasuk dalam ganjaran yang tertera dalam Nota 21 - penyata kewangan] disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Bank atau dengan firma di mana Pengarah adalah ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

GANJARAN PENGARAH

Tiada Pengarah Bank yang menyanggah jawatan di akhir tahun kewangan telah menerima ganjaran seperti yang ternyata dalam Seksyen 134, Akta Syarikat 1965 melalui perolehan saham Bank atau mana-mana badan korporat.

LAIN-LAIN BUTIRAN BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah seperti berikut:
- (i) Menentukan telah mengambil tindakan sewajarnya berhubung dengan menghapuskan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan terhadap pembiayaan tidak dibayar dan berpuas hati bahawa kesemua pembiayaan yang dikenalpasti lapuk telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat terhadap pembiayaan tidak dibayar; dan
 - (ii) Memastikan bahawa sebarang aset semasa di mana nilainya tidak mungkin diperolehi sepertimana yang terdapat di dalam rekod-rekod akaun melalui urusan biasa, telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini disediakan, Pengarah-Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang mempamerkan:
- (i) Jumlah menghapuskan pembiayaan lapuk, atau jumlah peruntukan bagi pembiayaan tidak dibayar dalam penyata kewangan Bank tidak mencukupi ke peringkat yang menjejaskan; dan
 - (ii) Nilai atas aset semasa di dalam penyata kewangan Bank mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini disediakan, Pengarah-Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang sekiranya timbul, boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah-kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset-aset atau liabiliti-liabiliti di dalam akaun Bank mengelirukan dan tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Pengarah-Pengarah tidak mempunyai maklumat tentang sebarang kaedah yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau akaun-akaun Bank, yang menyebabkan mana-mana akaun yang dinyatakan dalam akaun-akaun ini mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) Sebarang gadaian ke atas aset Bank yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan yang menjamin liabiliti-liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) Sebarang liabiliti kontingen Bank yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan selain daripada urusan biasa perbankan.
- (f) Pengarah-Pengarah berpendapat:
- (i) Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti Bank yang telah atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tempoh kewangan ini, yang menurut pendapat Pengarah-Pengarah akan atau boleh menjejaskan keupayaan Bank untuk menepati obligasi tersebut bila tiba masanya; dan
 - (ii) Tidak timbul sebarang butiran, urusan atau peristiwa penting dan luar jangkaan yang memberi kesan langsung atas hasil kendalian Bank bagi tahun kewangan laporan ini telah dibuat.

PROSPEK BAGI 2004

Ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi kukuh dalam tahun 2003 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) berkembang pada kadar 5.2% berbanding ramalan 4.1%. Sektor pembuatan merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi 2003. Perkembangan sektor eksport telah membantu kepada pemulihan dengan lebih akaun semasa dan rizab antarabangsa terus meningkat. Redanya serangan Wabak Sindrom Pernafasan Akut (SARS), tamatnya peperangan Iraq dan pemilihan pemimpin baru Malaysia pada akhir bulan Oktober 2003, telah mendorong suasana yang mantap untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Sumbangan terpenting dalam prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2003 adalah dari aktiviti pembiayaan runcit dan konsumen. Peningkatan penggunaan perabot dan keupayaan pengguna yang tinggi menyebabkan permintaan untuk pembiayaan perumahan, kenderaan, perniagaan kad kredit dan pembiayaan persendirian telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh sejajar dengan pengukuhan ekonomi.

Perkembangan positif khususnya pada penghujung tahun 2003 telah memberi laluan untuk memperbaharui keyakinan dalam pertumbuhan ekonomi 2004 yang dijangka berkembang di antara 6.0% hingga 6.5%.

PELAN PERNIAGAAN 2004

Berpandukan keyakinan ini, Bank Muamalat mengambil peluang untuk memeriksa semula kedudukannya bagi merumus strategi baru untuk meningkatkan pertumbuhan dalam dua segmen pasaran iaitu Perbankan Runcit dan Konsumer dan Pasaran Modal Islam.

Pihak Bank bercadang untuk meningkatkan Pembiayaan Runcit dan Konsumer kepada 50% pada 2004 dan 60% pada tahun 2005 dalam portfolio pembiayaannya. Usaha ini akan dicapai melalui satu program perubahan, yang melibatkan rombakan rangkaian cawangan dan Ibu Pejabat kepada suatu unit utama dan diperkukuhkan dengan infrastruktur IT bagi meningkatkan kecekapan, keupayaan dan keuntungan. Proses perubahan ini akan mengambil masa satu tahun dengan keupayaan pekerja yang cekap dalam bidang IT, jualan dan pemasaran. Dengan menggunakan pendekatan ini, pihak Bank akan dapat secara berterusan merajana perolehan yang tinggi dan teguh dalam pasaran.

Pihak Bank akan mempertingkatkan lagi pembabitannya dalam Pasaran Modal Islam. Jabatan Pelaburan telah pun diubahsuai dan dilengkapi dengan keupayaan tenaga profesional yang berpengalaman. Bagi mengukuhkan pasaran di segmen ini, pihak Bank akan berusaha untuk mendapatkan mandat dan memainkan peranan yang aktif sebagai penerbit dan pengurus instrumen kewangan Islam. Aktiviti-aktiviti ini dijangka akan meningkatkan pendapatan berasaskan fi.

Walaupun keupayaan dalam dua segmen pasaran ini sedang diperkukuhkan, pihak Bank akan terus memainkan peranan aktif dalam pembiayaan perniagaan dan juga akan menyumbang kepada kemajuan IKS melalui program latihan dan khidmat nasihat.

Pihak Bank sedar bahawa pesaing-pesaing juga cuba merebut peluang dalam sektor kewangan ini. Oleh itu Bank perlu membangunkan sumber manusia yang berkebolehan dalam pemasaran dan berbudaya maju untuk melaksanakan tugas-tugas khusus di bawah program baru perubahan ini. Dengan persaingan yang hebat dari segi produk dan perkhidmatan dari sistem konvensional, pihak Bank akan meningkatkan jangkauan dan kepelbagaian produk yang berdaya saing untuk memenuhi permintaan masyarakat Malaysia moden.

PERUBAHAN DALAM PEGANGAN SYARIKAT

Dalam tahun kewangan, Bank menganggap Khazanah Nasional Berhad, syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan terhad oleh saham yang dipegang, sebagai syarikat pemegang.

Setelah berakhirnya tahun kewangan, syarikat pemegang Bank adalah Bukhary Capital Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Hasrat Padu Sdn Bhd), berikutan dengan pengambilalihan 70% daripada dana pemegang saham Bank.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah berseesuaian dengan resolusi Lembaga Pengarah.

DATO' ISMAIL SHAHUDIN

FAZLUR RAHMAN EBRAHIM

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Mac 2004

PENYATA PENGARAH

PENYATA PENGARAH-PENGARAH MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965

Kami, **DATO' ISMAIL SHAHUDIN** dan **FAZLUR RAHMAN EBRAHIM**, dua daripada Pengarah-Pengarah **BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengarah-Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 58 hingga 87 disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat 1965, diubahsuai oleh Garispanduan Bank Negara Malaysia bagi menepati kehendak prinsip-prinsip Syariah, sedemikian untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan Bank pada 31 Disember 2003 dan keputusan-keputusan dan aliran tunai pada akhir tahun.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah bersesuaian dengan resolusi Lembaga Pengarah.

DATO' ISMAIL SHAHUDIN

FAZLUR RAHMAN EBRAHIM

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Mac 2004

AKAUN BERKANUN MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965

Saya, **ABDUL MANAN SIDIK**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan Bank yang dibentangkan di muka surat 58 hingga 87 adalah pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kesedaran bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
ABDUL MANAN SIDIK
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
pada 29 Mac 2004.

ABDUL MANAN SIDIK

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

LAPORAN MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Kami Ahli Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan kami, operasi perbankan Bank untuk tahun berakhir 31 Disember 2003 adalah bertepatan dan selari dengan kehendak Syara'.

Bagi pihak Majlis Penasihat Syariah,

Prof. Madya Dr Abdul Halim Muhammad
Pengerusi

Hj. Idrus Ismail
Setiausaha

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Mac 2004

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang tertera di halaman 58 hingga 87. Penyediaan penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Bank. Tanggungjawab kami adalah memberi pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami.

Kami telah menjalankan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan supaya memperoleh kepastian yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut adalah bebas dari salah nyata yang penting. Sesuatu audit itu merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang berkaitan dengan jumlah dan pernyataan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, beserta dengan penilaian yang menyeluruh terhadap penyata kewangan yang dibentangkan. Kami percaya bahawa pengauditan kami memberi asas yang wajar terhadap pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia yang diubahsuai untuk menepati prinsip-prinsip Syariah dan Garispanduan Bank Negara Malaysia serta memberi pandangan yang benar dan saksama terhadap:
- (i) kedudukan urusan kewangan Bank pada 31 Disember 2003 dan keputusan Bank serta aliran wang tunai Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) perkara-perkara yang dikehendaki di bawah Seksyen 169, Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambilkira dalam penyata kewangan Bank tersebut; dan
- (b) perkara-perkara perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 supaya disimpan oleh Bank dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Awam

Dato' Nordin bin Baharuddin
No. 837/03/04(UJ)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Mac 2004

LEMBARAN IMBANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
ASET			
Wang tunai dan dana jangka pendek	3	31,813	39,963
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan lain	4	2,042,600	1,635,761
Sekuriti Dagangan	5	704,971	689,584
Sekuriti Pelaburan	6	2,047,011	1,733,130
Pembiayaan pelanggan	7	2,140,966	2,160,042
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	8	205,127	175,327
Lain-lain aset belum terima	9	41,074	36,351
Harta dan peralatan	10	59,700	62,265
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	11	5	5
Jumlah terhutang dari syarikat berkaitan	12	29,105	29,054
Aset cukai tertunda (bersih)	13	13,570	4,287
Jumlah Aset		<u>7,315,942</u>	<u>6,565,769</u>
LIABILITI			
Obligasi faedah persaraan	14	16,275	6,540
Deposit dari pelanggan	15	6,846,533	6,029,351
Deposit dan penempatan oleh institusi-institusi kewangan lain	16	-	104,006
Bil-bil dan penerimaan harus dibayar		59,125	31,350
Lain-lain tanggungan belum bayar	17	40,480	44,633
Peruntukan Zakat		509	455
Jumlah Liabiliti		<u>6,962,922</u>	<u>6,216,335</u>
DANA PEMEGANG SAHAM			
Modal saham	18	225,846	225,846
Rizab		<u>127,174</u>	<u>123,588</u>
		<u>353,020</u>	<u>349,434</u>
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		<u>7,315,942</u>	<u>6,565,769</u>
ILTIZAM DAN LUAR JANGKAAN	26	<u>1,740,247</u>	<u>1,240,379</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

P E N Y A T A P E N D A P A T A N

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
Pendapatan hasil daripada pelaburan dana pendeposit	19(a)	270,731	281,715
Pendapatan kepada pendeposit		<u>(136,519)</u>	<u>(162,707)</u>
		134,212	119,008
Pendapatan hasil daripada pelaburan dana pemegang saham	19(b)	14,917	14,891
Pendapatan kepada pemegang saham		149,129	133,899
Lain-lain pendapatan		<u>31,004</u>	<u>27,894</u>
Jumlah pendapatan operasi		180,133	161,793
Kerugian pembiayaan dan peruntukan, selepas bayaran balik	20(a)	<u>(32,890)</u>	<u>(29,398)</u>
		147,243	132,395
Lain-lain perbelanjaan operasi	20(b)	<u>(132,798)</u>	<u>(116,755)</u>
Keuntungan operasi		14,445	15,640
Kos penyelesaian faedah persaraan	14(a)	<u>(7,178)</u>	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		7,267	15,640
Zakat	23	<u>(410)</u>	1,395
Cukai	24	<u>(3,271)</u>	<u>(7,418)</u>
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		<u>3,586</u>	<u>9,617</u>
Perolehan sesaham (sen)	25	<u>1.59</u>	<u>4.26</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)

	Saham Modal RM'000	Rizab Berkanun* RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Total RM'000
Baki pada 1 Januari 2002					
Seperti dinyatakan sebelumnya	225,846	51,698	10,394	41,113	329,051
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 28)	-	-	-	10,766	10,766
Baki pada 1 Januari 2002 (dinyatakan semula)	225,846	51,698	10,394	51,879	339,817
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	-	9,617	9,617
Pindahan kepada Rizab Berkanun	-	9,364	-	(9,364)	-
Baki pada 31 Disember 2002	225,846	61,062	10,394	52,132	349,434
Baki pada 1 Januari 2003					
Seperti dinyatakan sebelumnya	225,846	61,062	10,394	50,477	347,779
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 28)	-	-	-	1,655	1,655
Baki pada 1 Januari 2003 (dinyatakan semula)	225,846	61,062	10,394	52,132	349,434
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	-	3,586	3,586
Pindahan kepada Rizab Berkanun	-	1,793	-	(1,793)	-
Pindahan kepada Keuntungan Terkumpul	-	-	(10,394)	10,394	-
Baki pada 31 Disember 2003	225,846	62,855	-	64,319	353,020

* Rizab berkanun dikekalkan selaras dengan peruntukan oleh Akta Perbankan Islam, 1983 dan tidak diagihkan sebagai dividen.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)

	2003 RM'000	2002 RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	1,267	15,640
Pelarasan bagi:		
Peningkatan diskaun ditolak pelunasan premium	(49,459)	(29,609)
Susutnilai	16,028	11,434
Peruntukan pembiayaan lapuk dan ragu, selepas bayaran baik	32,890	29,398
Peruntukan faedah persaraan	9,735	2,632
Peruntukan/(Diambilkira semula) rosotnilai pelaburan	1,856	(1,015)
Dividen dari sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	(19,507)	(52,146)
Keuntungan dari jualan harta, kilang dan peralatan	(6)	-
Kerugian dari hapuskira harta, kilang dan peralatan	-	710
Keuntungan hasil penjualan sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	(13,855)	(33,237)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(15,051)	(56,193)
Penurunan/(penambahan) pembiayaan pelanggan	52,644	(191,425)
Penambahan dalam lain-lain penerimaan	(51,966)	(13,892)
Penambahan dalam jumlah terhutang dari syarikat berkaitan	(51)	(43,904)
Penambahan dalam deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	(29,800)	(24,548)
Penambahan dalam sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	(329,268)	-
Penambahan deposit dari pelanggan	817,182	1,064,100
(Penurunan)/penambahan dalam deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	(104,006)	104,006
Penurunan dalam jualan sekuriti di bawah perjanjian belibalik	-	(43,475)
Penambahan dalam bil dan penerimaan belum bayar	27,775	10,645
(Penambahan)/penurunan dalam lain-lain pembayaran	(4,153)	(17,115)
Penambahan dalam obligasi faedah persaraan	-	2,632
Aliran tunai dijanakan daripada aktiviti-aktiviti operasi	363,306	790,831
Pembayaran cukai	(12,314)	-
Pembayaran zakat	(356)	(459)
Tunai bersih yang dijana dari aktiviti-aktiviti operasi	350,636	790,372

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)**

	2003	2002
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Harta, Kilang dan Peralatan (bersih)	(13,483)	(19,168)
Perolehan dari jualan Harta, Kilang dan Peralatan	29	-
Pembelian sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	(651,900)	(377,376)
Perolehan dari jualan sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	693,900	34,309
Dividen diterima dari sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan	19,507	52,146
Tunai bersih yang dijana dari/diguna dalam] aktiviti pelaburan	<u>48,053</u>	<u>(310,089)</u>
KENAIKAN BERSIH DI DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARA	398,689	480,283
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN	1,675,724	1,195,441
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN	<u>2,074,413</u>	<u>1,675,724</u>
Tunai dan tunai setara terdiri dari:		
Tunai dan dana jangka pendek	31,813	39,963
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	2,042,600	1,635,761
	<u>2,074,413</u>	<u>1,675,724</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2003 (7 ZULKAEDAH 1424)

1. MAKLUMAT KORPORAT

Bank berurusan dalam semua aspek perbankan Islam dan perniagaan kewangan dan peruntukan bagi perkhidmatan yang berkaitan. Perbankan Islam dan perniagaan kewangan merujuk secara amnya kepada penerimaan deposit dan pemberian pembiayaan menurut kehendak prinsip-prinsip Syariah.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan berkenaan di sepanjang tahun kewangan.

Kegiatan-kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti lampiran di Nota 11 kepada penyata kewangan.

Bank adalah perbankan Islam berlesen di bawah Akta Perbankan Islam, 1983, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat bagi pejabat berdaftar Bank ialah Tingkat 28, Menara Bumiputra, Jalan Meleka, 50100, Kuala Lumpur, Malaysia.

Jumlah kakutangan pada 31 Disember 2003 adalah 1,190 (31 Disember 2002: 1,174).

Laporan kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Laporan ini disahkan setelah mendapat mandat dari Lembaga Pengarah, bertepatan dengan resolusi pengarah pada 29 Mac 2004.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas penyediaan penyata kewangan

Akaun-akaun Bank telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, diubahsuai menurut kehendak prinsip-prinsip Syariah dan Garispanduan Bank Negara Malaysia.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, Bank buat pertama kali telah mengamalkan piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB").

MASB 25 - Cukai Pendapatan

MASB 27 - Kos Peminjaman

MASB 29 - Manfaat Pekerja

MASB I-I - Pembentangan Penyata Kewangan bagi Institusi Kewangan Islam

Kesan penggunaan MASB 25 dan MASB 29 ke atas baki permulaan telah diringkaskan di dalam Penyata Perubahan Ekuiti dan Nota 28 di penyata kewangan. Penggunaan MASB 27 tidak memberi apa-apa kesan ke atas penyata kewangan. Kesan penggunaan MASB I - I adalah seperti yang terdapat di Nota 2(b).

(b) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf mengikut kaedah asas akrual.

Pendapatan daripada pembiayaan pelanggan diiktiraf berasaskan kaedah kadar pulangan tetap. Pendapatan termasuk pelunasan premium dan peningkatan diskaun. Pendapatan daripada sekuriti dagangan dan pelaburan diiktiraf berasaskan kadar hasil efektif.

Jika akaun pembiayaan pelanggan bertukar kepada tidak berbayar, pendapatan digantung sehingga ianya direalisasi pada asas tunai. Akaun pelanggan dianggap tidak berbayar jika pembayaran semula tertunggak selama lebih enam bulan.

Polisi penggantungan pendapatan ini adalah menurut Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai penggantungan faedah atas pinjaman tidak berbayar dan peruntukan untuk pembiayaan lapuk dan ragu. BNM/GP3.

Bermula dari tahun kewangan semasa, dengan penggunaan MASB I - I, Bank telah menukar dasar pengiktirafan pendapatan dari asas tunai kepada asas akrual. Kesan perubahan ini adalah peningkatan dalam pendapatan yang diiktiraf pada tahun ini sebanyak RM11,994,584.

Perubahan dalam polisi perakaunan telah digunapakai prospektif memandangkan hasil pelarasan bagi tahun sebelumnya tidak dapat dikenalpasti.

(c) Pengiktirafan Yuran-yuran dan lain-lain pendapatan

Pengaturan pembiayaan, yuran pengurusan dan penyertaan, komisen penajajaminan dan yuran broker diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan pengaturan berkontrak. Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan di atas terbitan jaminan. Yuran dari kegiatan khidmat nasihat dan kewangan korporat diiktiraf hasil bersih cukai perkhidmatan dan diskaun di atas penyempurnaan setiap penyerahan hak.

Pendapatan dividen dari sekuriti dagangan dan pelaburan diiktiraf apabila hak Bank untuk menerima pembayaran dipastikan.

(d) Peruntukan Pembiayaan Lapuk dan Ragu

Peruntukan-peruntukan khusus disediakan untuk pembiayaan lapuk dan ragu, yang telah dikaji semula secara individu dan dengan khususnya dikenalpasti sebagai sub-standard, ragu dan lapuk.

Peruntukan am juga disediakan berdasarkan peratusan yang ditetapkan ke atas portfolio pembiayaan untuk menampung kerugian yang tidak dapat dikenalpasti dengan khususnya.

Pembiayaan yang tidak berbayar atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai cagaran yang boleh dihasilkan, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada prospek pungutan semula.

(e) Pelaburan dalam anak-anak syarikat

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam kos.

Di atas pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan diantara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Seperti yang dibenarkan dalam perenggan 5(4)(b)(i) Jadual 9 dari Akta Syarikat, 1965, penyata kewangan anak-anak syarikat tidak disalurkan kerana Pengarah-pengarah berpendapat bahawa ia tidak membawa nilai sebenar kepada ahli-ahli Bank memandangkan jumlah penglibatan yang tidak ketara.

(f) Sekuriti Dagangan

Sekuriti dagangan adalah sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan, dibeli dan dipegang dengan tujuan untuk dijual balik dalam jangka pendek, dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran. Penambahan atau pengurangan dalam amaun dibawa oleh sekuriti dagangan dikredit atau dicaj dalam penyata pendapatan. Bagi pelupusan sekuriti dagangan, perbezaan diantara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa dicaj atau dikredit dalam penyata pendapatan.

Pemindahan, jika ada, di antara sekuriti dagangan dan sekuriti pelaburan dibuat pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran.

(g) Sekuriti Pelaburan

Sekuriti pelaburan adalah sekuriti-sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk hasil atau pertumbuhan modal atau untuk memenuhi kehendak kecairan aset minima menurut Seksyen 16 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989, dan lazimnya dipegang hingga matang.

Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bon-bon Islam Cagamas, lain-lain Sekuriti Islam Kerajaan, dan Sekuriti Hutang Islam dipegang sebagai pelaburan dinyatakan pada kos tetapi dipinda untuk pelunasan premium atau peningkatan diskaun sehingga tarikh matang. Lain-lain pelaburan sebut harga dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran.

Pelaburan tak tercalat dinyatakan pada kos dan di mana sesuai, dipinda untuk pelunasan premium atau peningkatan diskaun sehingga tarikh matang. Peruntukan dibuat bagi penyusutan nilai yang kekal di mana dirasakan sesuai.

Penambahan atau pengurangan dalam amaun dibawa oleh sekuriti pelaburan telah dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Bagi pelupusan sekuriti pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa telah dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan.

(h) Harta, Kilang dan Peralatan dan Susutnilai

Harta, Kilang dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, jika ada. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah bersesuaian dengan Nota 2 (o). Tanah pegangan bebas dan kerja-kerja yang masih dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan. Susutnilai untuk lain-lain aset dikira untuk memansuhkan kos mengikut kaedah susutan tetap ke atas anggaran jangka hayat bolehguna bagi aset-aset berkenaan. Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah seperti berikut:

Bangunan	2.5%
Tanah pajakan jangka panjang	2.5%
Perabot pejabat dan peralatan	15%
Pembaikan bangunan dan pengubahsuaian	20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan komputer	20% - 33.3%

Di atas pelupusan harta, kilang dan peralatan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(i) Matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga tersebut atau pada kadar kontrak di mana sesuai. Aset dan tanggungan matawang pada nilai matawang asing pada tarikh lembaran imbangan dinyatakan pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Keuntungan atau kerugian yang timbul dari urusniaga matawang asing diiktiraf hanya apabila direalisasi bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Kadar penutupan yang digunakan pada akhir tahun adalah:

	2003 RM	2002 RM
US Dollar (USD)	3.825	3.800
Great Britain Pound (GBP)	6.330	6.092
Euro Dollar (Euro)	4.384	3.981
Japanese Yen (JPY1000)	37.030	32.021
Singapore Dollar (SGD)	2.185	2.189
Australian Dollar (AUD)	2.558	2.149

(j) Bil dan Penerimaan Belum bayar

Bil dan penerimaan belum bayar mewakili bil-bil dan penerimaan kepunyaan bank sendiri yang didiskaun semula dan masih berada di pasaran.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan meliputi cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan perlu bayar berkaitan keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah diwartakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan untuk semua perbezaan masa terhasil pada tarikh lembaran imbangan di antara kadar cukai aset dan tanggungan dan amaun dibawa dalam penyata kewangan. Tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan bersifat sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan bersifat sementara boleh tolak, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna, sehingga ke tahap pada mana hanya berkemungkinan keuntungan boleh cukai boleh diperolehi di mana perbezaan bersifat sementara boleh tolak, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan bersifat sementara terbit dan muhibah atau muhibah negatif atau pada permulaan pengiktirafan aset atau tanggungan di mana urusniaga bukan gabungan perniagaan, dan pada masa urusniaga hanya tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai jangkaan yang digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau tanggungan diselesaikan, berdasarkan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali hanya terhasil dari urusniaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti, di mana cukai tertunda akan dicaj atau dikredit terus ke dalam ekuiti, atau apabila hanya terhasil dari gabungan perniagaan di mana hanya adalah pengambilalihan, yang mana cukai tertunda ini akan menghasilkan muhibah atau muhibah negatif.

Sebelum penggunaan MASB 25 Cukai Pendapatan pada 1 Januari 2003, cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah tanggungan berkaitan perbezaan masa yang ketara dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf, melainkan ada jangkaan munasabah lainya akan direalisasi. Pertukaran polisi perakaunan ini telah dikira retrospektif dan kesan pertukaran adalah seperti didedahkan dalam Nota 28.

(l) Zakat

Ini mewakili zakat yang wajib dibayar oleh Bank selaras dengan prinsip-prinsip Syariah dan dipersetujui oleh Majlis Penasihat Syariah.

(m) Rizab Persamaan Keuntungan

Rizab Persamaan Keuntungan merujuk kepada jumlah yang dikeluarkan dari pendapatan kasar bagi memastikan tahap pulangan tertentu kepada pendeposit selaras dengan "Rangkakerja bagi Kadar Pulangan" Bank Negara Malaysia. Rizab Persamaan Keuntungan dinyatakan di bawah lain-lain penerimaan belum bayar.

(n) Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara terdiri daripada wang tunai dan deposit penempatan dengan bank, dana jangka pendek dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada tunai dan yang tertakluk kepada risiko dalam perubahan nilai tidak ketara.

(o) Rosot nilai aset

Nilai pegangan aset, selain daripada aset cukai tertunda dan aset kewangan, disemak semula pada setiap tarikh lembaranimbangan, untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai pegangan aset dengan jumlah penampungan. Jumlah penampungan adalah lebih besar antara harga jualan bersih dan nilaigunaannya, yang mana diukur dengan merujuk kepada aliran tunai hadapan terdiskaun.

Kerugian rosot nilai diiktiraf serta merta sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Penarikbalikan kerugian rosot nilai diiktiraf pada tahun sebelumnya dilaporkan apabila kerugian rosot nilai aset tersebut tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

(p) Faedah Pekerja

(i) Faedah jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan ditawarkan oleh pekerja.

(ii) Pelan caruman wajib

Seperti dituntut oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia mencarum kepada skim pencen negeri dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila terjadi.

(iii) Pelan manfaat wajib

Bank menyumbang kepada dana wajib, Skim Manfaat Persaraan ("the Scheme") untuk pekerja-pekerja yang layak. Skim wajib Bank ditentukan berdasarkan penilaian beraktuari tiga tahun sekali di mana jumlah manfaat yang telah didapati pekerja sebagai pulangan khidmat mereka dalam tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya telah dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaun menggunakan Kaedah Kredit Projek untuk menentukan nilai semasa. Keuntungan atau kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan ke atas jangkaan hayat kerja hitung panjang bagi pekerja-pekerja yang turut serta, apabila keuntungan atau kerugian aktuari tidak teriktiraf terkumpul untuk Skim melebihi 10% dari nilai semasa manfaat wajib dan nilai saksama aset rancangan. Kos perkhidmatan yang lepas diiktiraf serta merta sehingga kepada manfaat telah diletak hak, dan kecuali dilunaskan berdasarkan kaedah garisan lurus ke atas tempoh hitung panjang sehingga manfaat pindaan menjadi letak hak.

Jumlah diiktiraf di dalam lembaranimbangan mewakili nilai semasa manfaat wajib diselaraskan untuk keuntungan dan kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan yang lepas tidak diiktiraf, dan dikurangkan oleh nilai saksama aset rancangan. Mana-mana aset terhasil dari perkiraan ini terhad kepada jumlah bersih manfaat ekonomi dalam bentuk bayar balik atau pengurangan bagi sumbangan kepada pelan di masa hadapan.

Polisi-polisi di atas mengikut MASB 29 Manfaat Pekerja telah digunapakai bermula 1 Januari 2003. Perubahan polisi perakaunan telah diambil kira retrospektif dan kesan-kesannya didedahkan dalam Nota-nota 14 dan 28.

(q) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaranimbangan apabila Bank telah menjadi satu kumpulan kepada peruntukan kontrak instrumen. Polisi perakaunan ke atas pengiktirafan dan pengukuran instrumen-instrumen ini didedahkan di dalam polisi-polisi perakaunan yang berkaitan.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai tanggungan atau ekuiti mengikut perjanjian kontrak. Dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai tanggungan, dilapurkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang instrumen kewangan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan telah diseimbangkan apabila Bank mempunyai hak kuatkuasa sah untuk menyeimbangkan dan berhajat untuk melunaskan atas dasar bersih atau untuk merealisasi aset dan melunaskan tanggungan serentak.

3. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

Wang tunai dan baki di bank dan institusi-institusi kewangan lain

	2003 RM'000	2002 RM'000
	<u>31,813</u>	<u>39,963</u>

4. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

	2003 RM'000	2002 RM'000
Bank berlesen	100	105,991
Syarikat Kewangan berlesen	20,000	-
Lain-lain Institusi Kewangan	-	30,000
Bank Negara Malaysia	2,022,500	1,499,770
	<u>2,042,600</u>	<u>1,635,761</u>

5. SEKURITI DAGANGAN

	2003 RM'000	2002 RM'000
Instrumen Pasaran Wang :		
Bil. penerimaan Islam	<u>704,971</u>	<u>689,584</u>

6. SEKURITI PELABURAN

	2003 RM'000	2002 RM'000
Instrumen pasaran wang:		
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	268,618	323,057
Bon kupon sifar	257,359	213,675
Sekuriti hutang swasta Islam	413,655	407,467
Lain-lain sekuriti hutang Islam	1,086,033	769,186
	<u>2,025,665</u>	<u>1,713,385</u>
Peningkatan diskaun ditolak peluasan premium	27,648	24,191
Tolak: Peruntukan rosot nilai bagi lain-lain sekuriti hutang Islam	(6,302)	(4,446)
	<u>2,047,011</u>	<u>1,733,130</u>

Nilai pasaran instrumen pasaran wang:

Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	280,298	332,700
Bon kupon sifar	270,105	233,240
Sekuriti hutang swasta Islam	412,109	416,350
Lain-lain sekuriti hutang Islam	1,066,311	766,258
	<u>2,028,823</u>	<u>1,748,548</u>

Struktur kematangan bagi instrumen pasaran wang yang dipegang untuk pelaburan adalah seperti berikut:

	2003 RM'000	2002 RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	1,431,323	790,000
Satu tahun hingga tiga tahun	357,771	555,288
Tiga tahun hingga lima tahun	156,020	197,773
Lebih dari lima tahun	80,551	370,324
	<u>2,025,665</u>	<u>1,713,385</u>

7. PEMBIAYAAN PELANGGAN

	2003 RM'000	2002 RM'000
Bai' Bithaman Ajil	1,095,841	1,118,291
Ijarah	150,485	166,096
Murabahah	542,219	515,715
Musyarakah	495	521
Mudharabah	1,602	834
Istisna	354,255	356,076
Lain-lain konsep pembiayaan	125,898	154,922
Pembiayaan Kasar Pelanggan	2,270,795	2,312,405
Peruntukan untuk pembiayaan lapuk dan ragu	(129,829)	(152,363)
Pembiayaan bersih pelanggan	<u>2,140,966</u>	<u>2,160,042</u>

(i) Pecahan pembiayaan kasar pelanggan mengikut kematangan pembayaran balik adalah seperti berikut:

	2003	2002
	RM'000	RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	589,601	600,405
Satu tahun hingga tiga tahun	450,737	458,996
Tiga tahun hingga lima tahun	94,757	96,493
Lebih dari lima tahun	1,135,700	1,156,511
	<u>2,270,795</u>	<u>2,312,405</u>

(ii) Pembiayaan pelanggan dianalisis mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

	2003	2002
	RM'000	RM'000
Pertanian	35,704	32,422
Perlombongan dan kuari		1,593
Perkilangan	483,260	541,862
Elektrik, gas dan air	20,021	83,767
Pembinaan	443,376	432,468
Pembelian hartanah yang mana:		
- Kediaman	772,414	759,550
- Bukan kediaman	163,716	179,023
Perdagangan am	94,199	116,950
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	18,530	6,516
Kewangan, insuran dan perkhidmatan perniagaan	37,052	22,424
Pembelian sekuriti	37,961	-81,675
Pembelian kenderaan pengangkutan	63,497	7,178
Kredit penggunaan	65,961	14,892
Lain-lain	20,104	32,085
	<u>2,270,795</u>	<u>2,312,405</u>

(iii) Pergerakan dalam pembiayaan tidak dibayar adalah seperti berikut:

Baki pada 1 Januari	291,498	238,734
Pembiayaan dikelaskan sebagai tidak dibayar bagi tahun tersebut	138,633	153,793
Pungutan semula pembiayaan tidak dibayar bagi tahun tersebut	(42,626)	(33,251)
Pembiayaan tidak dibayar dikelaskan sebagai dibayar bagi tahun tersebut	(94,109)	(67,503)
Jumlah dihapuskan bagi tahun tersebut	(55,424)	(275)
Baki pada 31 Disember	<u>237,972</u>	<u>291,498</u>
Sebagai % pembiayaan kasar	10.48%	12.61%
Jumlah bersih pembiayaan tidak dibayar	143,685	172,030
Sebagai % pembiayaan bersih	6.60%	7.84%

(iv) Pergerakan dalam peruntukan pembiayaan lapuk dan ragu adalah seperti berikut:

	2003	2002
	RM'000	RM'000
Peruntukan Am		
Baki pada 1 Januari	32,895	29,979
Peruntukan pada tahun tersebut	2,647	2,916
Baki pada 31 Disember	<u>35,542</u>	<u>32,895</u>
Sebagai % pembiayaan kasar ditolak peruntukan khusus	1.6%	1.5%

	2003	2002
	RM'000	RM'000
Peruntukan Khusus		
Baki pada 1 Januari	119,468	93,206
Peruntukan pada tahun tersebut	50,524	32,749
Jumlah diambil kira semula setelah diperolehi kembali	(20,281)	(6,267)
Jumlah dihapuskan	(55,424)	(220)
Baki pada 31 Disember	<u>94,287</u>	<u>119,468</u>

8. DEPOSIT BERKANUN DENGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Deposit berkanun tanpa faedah disimpan dengan Bank Negara Malaysia menurut Seksyen 37(1)(c), Akta Bank Pusat Malaysia Ordinan 1958 (1994 - disemak semula), di mana jumlahnya ditentukan sebagai peratusan daripada jumlah liabiliti yang layak.

9. LAIN-LAIN BELUM TERIMA

	2003 RM'000	2002 RM'000
Wang cagaran	1,686	1,312
Pra-pembayaran	1,608	2,795
Penerimaan pendapatan	18,737	9,234
Pungutan semula cukai	2,706	3,185
Sibermutang lain-lain	16,337	19,825
	<u>41,074</u>	<u>36,351</u>

10. HARTA DAN PERALATAN

Kos	Tanah pajakan jangka panjang RM'000	Tanah dan bangunan milik bebas RM'000	Peralatan pejabat, Bangunan kelengkapan, pejabat perabot dan Kerja-kerja masih di dalam pembangunan		Jumlah RM'000	
			Bangunan pejabat jangka panjang RM'000	perabot dan kenderaan bermotor RM'000		
Pada Januari 2003	303	3,163	14,092	68,334	3,375	89,267
Penambahan	-	-	-	8,463	5,020	13,483
Pengelasan semula	-	-	-	5,050	(5,050)	-
Pelupusan	-	-	-	(44)	-	(44)
Pada 31 Disember 2003	<u>303</u>	<u>3,163</u>	<u>14,092</u>	<u>81,803</u>	<u>3,345</u>	<u>102,706</u>
Susutnilai terkumpul						
Pada Januari 2003	13	249	1,154	25,586	-	27,002
Caj pada tahun ini	4	87	345	15,592	-	16,028
Pelupusan	-	-	-	(24)	-	(24)
Pada 31 Disember 2003	<u>17</u>	<u>336</u>	<u>1,499</u>	<u>41,154</u>	<u>-</u>	<u>43,006</u>
Nilai buku bersih						
Pada 31 Disember 2003	<u>286</u>	<u>2,827</u>	<u>12,593</u>	<u>40,649</u>	<u>3,345</u>	<u>59,700</u>
Pada 31 Disember 2002	<u>290</u>	<u>2,914</u>	<u>12,938</u>	<u>42,748</u>	<u>3,375</u>	<u>62,265</u>
Caj susutnilai pada 2002	<u>4</u>	<u>79</u>	<u>352</u>	<u>10,999</u>	<u>-</u>	<u>11,434</u>

11. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	2003 RM'000	2002 RM'000
Saham tak tercatat pada kos - di luar Malaysia	5	5

Anak-anak syarikat Bank adalah seperti berikut:

Nama	Kegiatan utama	Tempat diperbadankan	Kepentingan ekuiti efektif		Tahun kewangan berakhir
			2003	2002	
Muamalat Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	tidak aktif	Malaysia	100%	100%	31 Disember
Muamalat Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	tidak aktif	Malaysia	100%	100%	31 Disember

12. SYARIKAT INDUK DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN

Dalam tahun kewangan semasa, pengarah-pengarah menganggap Khazanah Nasional Berhad, syarikat diperbadankan di Malaysia dan terhad oleh saham sebagai syarikat induk.

Berikutan berakhirnya tahun kewangan semasa, syarikat induk Bank adalah Bukhary Capital Sdn. Bhd. (dulunya dikenali sebagai Hasrat Padu Sdn. Bhd.), susulan dari pengambilalihan 70% dari modal saham Bank.

Syarikat berkaitan di dalam penyata kewangan ini merujuk kepada ahli-ahli kumpulan Commerce Asset-Holding Berhad yang memegang 30% ekuiti Bank pada tahun kewangan semasa.

13. ASET CUKAI TERTUNDA (BERSIH)

	2003 RM'000	2002 RM'000
Baki pada 1 Januari	4,287	10,842
Penarikbalikan perbezaan bersifat sementara	5,571	-
Diiktiraf di dalam penyata pendapatan	3,712	(6,555)
Baki pada 31 Disember	<u>13,570</u>	<u>4,287</u>

Cukai aset dan tanggungan tertunda diselaraskan apabila terdapat hak kuatkuasa sah untuk menyeimbangkan aset cukai semasa terhadap tanggungan cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berhubung dengan penguatkuasa fiskal yang serupa. Jumlah berikut setelah diselaraskan dengan sewajarnya ditunjukkan di dalam lembaran imbalan:

	2003 RM'000	2002 RM'000
Aset cukai tertunda	17,391	13,679
Tanggungan cukai tertunda	(3,821)	(9,392)
	<u>13,570</u>	<u>4,287</u>

Komponen dan pergerakan aset dan tanggungan cukai tertunda dalam tahun kewangan sebelum diselaraskan adalah seperti berikut:

Aset cukai tertunda Bank:

	Peruntukan Pembiayaan Lapuk dan Ragu RM'000	Peruntukan bagi tanggungan RM'000	Lain-lain perbezaan sementara RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2003	9,211	3,761	1,207	13,679
Diiktiraf di dalam penyata pendapatan	741	3,108	(137)	3,712
Baki pada 31 Disember 2003	<u>9,952</u>	<u>6,369</u>	<u>1,070</u>	<u>17,391</u>

Tanggungan cukai tertunda Bank:

	Elaun Modal dipercepatkan RM'000
Baki pada 1 Januari 2003	9,392
Penarikbalikan perbezaan bersifat sementara	(5,571)
Baki pada 31 Disember 2003	<u>3,821</u>

14. OBLIGASI FAEDAH PERSARAAN

Bank menyumbang kepada dana wajib, Skim Manfaat Persaraan (Skim) untuk pekerja-pekerjanya yang layak. Sumbangan kepada skim tersebut hendaklah dibuat kepada dana yang diuruskan berasingan. Di bawah skim tersebut, pekerja-pekerja yang layak diberi hak ke atas manfaat persaraan yang dikira oleh Bank apabila mencapai umur persaraan 55 tahun (wanita) dan 60 tahun (lelaki).

Jumlah diiktiraf di dalam lembaranimbangan adalah ditentukan seperti berikut:

	2003 RM'000	2002 RM'000
Faedah pemberian hak	28,564	-
Nilai semasa obligasi dana faedah wajib	-	18,829
Nilai berpatutan aset Skim	(12,289)	(12,289)
Tanggungan bersih	<u>16,275</u>	<u>6,540</u>

Jumlah diiktiraf di dalam lembaranimbangan adalah seperti berikut:

Kos perkhidmatan semasa	1,263	1,263
Kos dibawa	1,294	1,294
Kos penyelesaian (Nota 14(a))	7,178	-
Jumlah, termasuk di dalam lain-lain perbelanjaan operasi	<u>9,735</u>	<u>2,557</u>

Pergerakan di dalam tanggungan bersih pada tahun semasa adalah seperti berikut:

	2003 RM'000	2002 RM'000
Baki pada 1 Januari	6,540	3,983
Jumlah diiktiraf di dalam penyata pendapatan	9,735	2,557
Baki pada 31 Disember	<u>16,275</u>	<u>6,540</u>

Anggapan aktuari utama yang digunakan:

	2003 %	2002 %
Kadar diskaun	-	7
Pertambahan gaji purata hadapan	-	5

(a) Kos penyelesaian

Pada 1 Disember 2003, Bank telah memeterai perjanjian dengan kesatuan pekerja untuk menggantikan Skim dengan pertambahan caruman di dalam KWSP.

